

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**NAIB CANSELOR**

---

**bersempena**  
**PESTA CAHAYA 1MALAYSIA 2011**

*12 Februari 2011 (Sabtu), 8.00 malam  
Dewan Besar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

1

**A) SALUTASI**

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Y.B. Datuk Perumal A/L Raju  
Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pengangkutan, Penerangan dan  
Pengguna

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTeM

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UTeM

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman,  
Dekan Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UTeM

2

Pegawai-pegawai Kanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Yang Berusaha Barisan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

Wakil-wakil Media

Para pelajar yang dikasihi

Tuan-tuan & Puan-puan yang dihormati sekalian

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam 1 Malaysia.*

3

## **B) PEMBUKA KATA**

Y.B. Datuk, hadirin & hadirat yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, maka dapatlah kita bersama-sama dalam Pesta Cahaya pada kali ini. Sesungguhnya kehadiran semua menunjukkan komitmen serta sokongan yang penuh terhadap usaha dan inisiatif yang di laksana secara berterusan dalam mewujudkan aktiviti kekitaan bagi mempertingkatkan ikatan yang terjalin antara rakyat Malaysia.

4

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan serta mengalu-alukan kehadiran Y.B. Datuk Perumal, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka, yang telah sudi bersama-sama kita dalam majlis ini dan seterusnya akan menyempurnakan majlis perasmian nanti. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Datuk amat bermakna kerana dapat bersama-sama berkongsi budaya dalam konteks menjayakan seruan negara untuk merealisasikan konsep satu Malaysia.
3. Seperti dimaklumi, pesta ini menggabungkan elemen pelbagai kaum di Malaysia dengan tema pada kali ini, “rythm of veena”. Ini bertepatan dengan seruan kerajaan untuk mengukuhkan ikatan perpaduan yang telah terjalin serta bererti dalam menyampaikan mesej bangsa Malaysia dalam berbudaya. Toleransi serta perkongsian budaya sebegini bukan sahaja dapat memeriahkan suasana, malah membawa kita semua

5

bersama untuk turut merayakannya. Tambahan pula dengan siapnya Dewan Besar UTeM ini, oleh yang demikian, Pesta Cahaya pada kali ini telah mencatatkan sejarah yang tersendiri di mana buat pertama kalinya ia diadakan di kawasan UTeM sendiri.

Y.B. Datuk, hadirin & hadirat yang dihormati sekalian,

4. Objektif Pesta ini iaitu sebagai wadah perkongsian budaya, kegembiraan serta melambangkan warna-warni Malaysia. Pesta cahaya, seperti selalunya memperlihatkan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat, khususnya dari Melaka dalam berkongsi perayaan dengan semua tidak kira identiti dan usia. Melalui aktiviti-aktiviti yang telah diatur, para hadirin dapat mengetahui budaya rakyat Malaysia tidak kira kaum, keturunan, agama dan kelainan lain untuk dirayakan bersama.

6

Aktiviti sebegini akan membuatkan kita untuk lebih menghargai keamanan dan perpaduan yang terjalin.

5. Selain itu, Pesta ini juga dapat memperlihatkan keprihatinan dan memberi kesedaran kepada kita semua dalam menyokong keputusan kerajaan untuk terus kekal merealisasikan konsep satu Malaysia sejajar dengan pembangunan semasa. Ini bertepatan dengan tema satu Malaysia iaitu “rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”. Usaha sebegini membawa kita semua ke arah kesepakatan bersama ke arah memastikan keamanan kerana ianya akhirnya akan memberi impak dan *outcome* yang diharapkan oleh masyarakat dan juga kerajaan dalam mengerakkan ekonomi negara. Sebarang kekecohan sudah tentunya akan melibatkan pertambahan kos yang lebih besar dan mengakibatkan pembaziran sumber yang ada.

7

6. Perubahan arus globalisasi memberi impak yang sangat besar kepada daya saing negara. Persaingan di kalangan negara-negara dunia dilihat sebagai satu fenomena yang tidak dapat dielakkan. Kita perlu sentiasa bersaing untuk memastikan kita terus relevan dan setanding dengan negara-negara lain. Laporan-laporan yang dikeluarkan oleh badan-badan antarabangsa seperti *Institute For Management Development World Competitiveness Yearbook* serta *World Economic Forum Global Competitiveness Report* turut mencerminkan daya saing negara dan mempengaruhi keputusan pelabur dan pedagang asing memilih destinasi pilihan bagi pelaburan dan perdagangan mereka. Oleh itu, kestabilan perpaduan negara amat penting dalam membantu negara mengalu-alukan kedatangan pelabur yang dapat membantu ekonomi negara bercambah.

8

Y.B. Datuk, hadirin & hadirat yang dihormati sekalian,

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Y.B. Datuk R.Perumal, ahli EXCO Kerajaan Negeri Melaka dan juga kepada pihak penganjur kerana dapat menjayakan Pesta Cahaya 1 Malaysia 2011 ini. Tidak lupa juga kepada warga UTeM dan semua pihak yang terlibat dalam memastikan kelancaran pesta pada kali ini.
8. Apa yang penting ialah budaya dan kecemerlangan perlu dikekalkan dan usaha-usaha perlu dipergiatkan bagi menjana idea-idea baru ke arah mencapai tahap perpaduan yang lebih tinggi. Semoga usaha-usaha meningkatkan perpaduan negara akan terus bersemarak bagi merealisasikan hasrat kerajaan, iaitu “Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ”. Diharap para hadirin mendapat manfaat

9

terbaik sepanjang pesta ini nanti dan semoga kita semua dapat berjumpa lagi pada pesta cahaya yang akan datang dengan agenda baru untuk dikongsi sewajarnya.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh.*